

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN  
DARIPADA : YB DATUK NOOR EHSANUDDIN BIN MOHD  
HARUN NARRASHID [ KOTA TINGGI ]  
SOALAN :**

**YB Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd Harun Narrashid [ Kota Tinggi ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berapakah jumlah terkini Doktor Pakar Saraf yang berkhidmat di hospital milik Kerajaan dan adakah doktor pakar ini mencukupi berbanding jumlah pesakit yang hadir mendapatkan rawatan.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Sehingga 31 Januari 2015, terdapat seramai 43 orang Pakar Saraf yang berkhidmat di fasiliti di Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) iaitu 11 orang Pakar Saraf Kanak-Kanak dan 32 orang Pakar Saraf Perubatan Am.

Kerajaan prihatin dan sentiasa berusaha serta mengambil pelbagai langkah agar kekurangan doktor pakar dalam menyediakan perkhidmatan kesihatan kepada rakyat di hospital Kerajaan dapat ditangani. Dimaklumkan bahawa tiada negara di dunia yang mempunyai

bilangan pakar yang mencukupi bagi memenuhi keperluan negara masing-masing.

Pelbagai langkah untuk meningkatkan lagi bilangan pakar telah dilaksanakan menerusi pelbagai strategi misalnya:

- i. Pelantikan semula pakar KKM yang telah bersara wajib secara kontrak;
- ii. Pengambilan doktor pakar swasta berkhidmat secara sesional;
- iii. Menggalakkan pakar warganegara Malaysia yang berkhidmat di luar negara untuk pulang ke tanah air; dan
- iv. Pengambilan pakar warganegara asing secara kontrak.

Selain itu, Kementerian Kesihatan telah menambah slot tajaan bagi program sarjana perubatan di institusi pengajian tinggi awam dari 450 kepada 600 mulai sesi 2008/2009, 800 orang mulai sesi 2010/2011 dan kini slot tajaan tersebut ditingkatkan lagi kepada 1,000 slot bagi memberi peluang kepada lebih ramai pegawai perubatan mengikuti program sarjana. Sehubungan dengan itu, lebih ramai pakar perubatan dijangka dapat dihasilkan demi meningkatkan lagi mutu dan prestasi perkhidmatan perubatan dalam negara bagi memenuhi keperluan rakyat.